

**PKR nafi arah gagalkan sidang media Rahimi
Malaysiakini.com
October 7, 2010**

PKR hari ini menafikan parti itu terbabit dengan percubaan menggagalkan sebuah sidang akhbar di Klang semalam.

Sidang akhbar itu sepatutnya diadakan oleh Rahimi

Osman, seorang bekas pembantu kepada ketua umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dipercayai akan menyentuh berhubung perbicaraan liwat terhadapnya.

Sidang akhbar itu sepatutnya diadakan di restoran Lotus di Klang pada jam 4 petang semalam, tetapi kemudiannya dibatalkan berikutan kemunculan kumpulan berkenaan.

"Mereka dilaporkan sebagai bertindak kasar dan mengeluarkan kata-kata kesat pada masa itu. Hal ini tidak membantu kes fitnah kedua terhadap Anwar Ibrahim, bahkan menjejaskan imej parti.

"Saya ingin tegaskan bahawa PKR tidak pernah merestui, apatah lagi mengarah tindakan kumpulan ini. Orang yang dikatakan memimpin kumpulan ini bukannya naib presiden parti ataupun pembantu khas Anwar, seperti mana dilaporkan oleh sesetengah media," kata timbalan presiden PKR, Syed Husin Ali dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, PKR juga berpendapat bahawa Rahimi telah berbohong dalam laporan polisnya yang mendakwa beliau dipaksa membuat surat sumpah.

"Kami berpendapat bahawa Rahimi Osman, bekas pembantu Anwar telah berbohong dalam laporan polisnya yang mendakwa beliau dipaksa membuat surat sumpah. Perkara ini akan dijelaskan oleh peguam dalam sidang akhbar tengahari ini," katanya lagi.

Rahimi dalam laporan polisnya, semalam mendakwa dia dipaksa menandatangani dua akuan bersumpah berhubung tuduhan yang Anwar telah meliwat seorang lagi bekas pembantunya, Saiful Bukhari Azlan.

Menurut laporan polis Rahimi itu, akuan bersumpah pertama ditandatangani pada 28 Jun 2008 di Hotel Quality, Shah Alam dan yang kedua ditandatangani beberapa hari kemudiannya di Petaling Jaya.

Pada hari itu, Anwar dan para penyokongnya

berkumpul di Hotel Quality, beberapa jam selepas Saiful membuat laporan polis, mendakwa dia diliwat oleh Anwar.

Rahimi mendakwa akuan bersumpah kedua telah dipinda kandungannya untuk memalitkan dan memfitnah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Abdul Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor dalam konspirasi terhadap Anwar dalam kes liwat tersebut.

"Kandungan kedua-dua akuan bersumpah itu adalah tidak benar sama sekali. Dan saya dipaksa untuk menandatangani. Saya juga tidak diberikan sebarang salinan kedua-dua akuan bersumpah tersebut.

"Disebabkan akuan bersumpah itu tidak benar, saya sekarang ingin menceritakan perkara yang sebenarnya, maka saya telah membuat satu akuan bersumpah yang baru hari ini (semalam) yang mengandungi cerita benar," laporan polis Rahimi dipetik.

Menurut Rahimi, dia telah mengemukakan akuan bersumpah tersebut bersama laporan polisnya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/144623>